

04/09/2001

Pilihan raya dijangka lancar

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Isnin - Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yakin pilihan raya negeri Sarawak kelapan berjalan lancar kerana menjadi budaya rakyat negeri ini memelihara keamanan sepanjang masa, termasuk ketika pilihan raya.

Katanya, keadaan di Sarawak juga sudah jauh berubah dengan banyak kawasan sudah boleh didatangi melalui pengangkutan yang lebih baik, ditambah dengan sistem komunikasi moden.

"Oleh itu, pilihan raya kali ini sepatutnya dapat mendedahkan rakyat kepada apa saja isu yang boleh menentukan masa depan mereka dengan cukup baik," katanya pada sidang akhbar mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, di sini hari ini.

Writ pembubaran DUN itu ditandatangani Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammmad Salahuddin pagi ini bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan dalam tempoh 60 hari.

Abdul Taib yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri dan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata, manifesto BN akan disiapkan sejurus sebelum penamaan calon.

Katanya, tema manifesto BN kali ini agak mudah iaitu mahu meneruskan segala perkara baik yang dilaksanakan dan memastikan rakyat bersedia meningkatkan usaha menghadapi perubahan kepada ekonomi baru seperti diunjurkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sehingga tahun 2020.

"Manifesto itu bersandarkan dasar BN peringkat pusat dan akan memberi penekanan lebih jelas mengenai cara menyediakan rakyat Sarawak untuk mencapai pembangunan ekonomi baru berasaskan penggunaan yang bertambah dalam bidang teknologi tinggi," katanya.

Mengenai calon, beliau berkata, selain mengemukakan calon yang mempunyai hubungan akar umbi, BN negeri turut mengambil kira mutu mereka bagi membolehkan kerajaan secara keseluruhannya membincangkan masalah dan isu baru, sesuai dengan cabaran ekonomi baru serta era pengetahuan berteknologi tinggi.

Sambil menegaskan, senarai calon BN nanti akan menggambarkan perseimbangan yang baik, beliau berkata, soal itu sudah dibincangkannya dengan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya apakah halangan bagi BN mencatat kemenangan bersih kali ini, Abdul Taib berkata:

"Saya tidak mahu membuat kenyataan yang boleh dianggap sebagai ramalan kemenangan 100 peratus tetapi saya rasa kita mempunyai alasan untuk mengharap kemenangan itu.

"Saya percaya rakyat kita mementingkan soal pembangunan kerana mereka tahu mereka memilih kita selama ini kerana percaya kita boleh mengisi harapan mereka walaupun tidak 100 peratus tetapi secara yang dapat mengubah nasib mereka."

Ditanya sama ada BN Sarawak akan meminta Umno mengambil tindakan terhadap mana-mana anggotanya yang bertanding sebagai calon bebas, Abdul Taib berkata, beliau percaya Umno sudah cukup sedar tanggungjawabnya.

Mengikut peraturan, katanya, Umno secara automatik akan memecat mana-mana ahlinya yang bertanding menentang calon BN, bukan saja di Sarawak tetapi di mana-mana juga di negara ini.

"Tetapi masalah kita di sini, saya rasa, bukan dalam bentuk itu tetapi lebih kepada masalah mereka yang cuba memberi gambaran luar kononnya mereka orang Umno sedangkan hakikatnya tidak begitu," kata beliau.

(END)